

Kerajaan digesa bantu industri filem Sabah

DE 15.12.2011 2

Stephanie Lee

KOTA KINABALU: Industri filem Sabah, khususnya syarikat penerbitan milik penduduk tempatan, memerlukan rangsangan daripada Kerajaan Persekutuan.

Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Salleh Tun Said berkata, ini kerana terdapat banyak orang berbakat di sini yang boleh menjadi sebahagian daripada industri hiburan, tetapi peluang dan bantuan masih berkurangan.

“Kerajaan Persekutuan harus memberikan kuota tertentu dan peruntukan bagi syarikat-syarikat penerbitan milik anak Sabah untuk memajukan industri itu ke tahap lebih tinggi,” kata Salleh.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan North Borneo Media Sdn Bhd pada Rabu.

Katanya, terdapat banyak cerita rakyat dan juga sumber yang boleh dijadikan dokumentari dan sebagainya.

“Itulah kenapa saya rasa syarikat-syarikat tempatan di sini boleh membantu menambatkan industri itu di Sabah



MOHAMMED Fikheree (kiri) bertukar dokumen dengan Kassim sambil diperhatikan Salleh (kedua dari kiri).

dan menjana pendapatan jika dimajukan dengan sempurna,” kata Salleh yang merupakan bekas pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas).

“Sudah tentu, syarikat-syarikat ini juga harus membuktikan yang mereka mampu menghasilkan filem-filem, animasi dan dokumentari bertaraf antarabangsa supaya peruntukan dan bantuan boleh diberikan,” tambahnya.

Perkembangan dalam industri ini juga bermakna lebih banyak peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan, yang ramai terpaksa pergi ke Semenanjung Malaysia untuk mengejar cita-

cita mereka, kerana peluang di sana lebih baik, jelas beliau.

Terdahulu, Naib Canselor UMS Datuk Dr Kamaruzaman Hj. Ampon berharap MoU itu akan menjadi platform bagi bakat-bakat tempatan untuk melangkah lebih jauh dalam industri filem dan penerbitan.

“Negara-negara Asia seperti Hong Kong, India, Thailand dan Korea Selatan telah melangkah begitu jauh dalam memajukan industri berkenaan. Malah Singapura sedang mengambil langkah agresif dalam menggalakkan para pemain utama dalam industri itu seperti Universal Studio dan Lucasfilm melabur di negara itu.

“Diharapkan, kita juga boleh merancang sesuatu yang besar dalam industri kreatif ini dan seterusnya membuka lebih banyak peluang pekerjaan untuk anak-anak muda kita,” katanya.

Ucapan beliau dibacakan Timbalan Naib Canselor, Prof Madya Datuk Dr, Kassim Mansur.

MoU itu akan menyaksikan pelajar Sekolah Seni universiti itu menyumbangkan kepakaran mereka dalam animasi dan bidang berkaitan yang lain sementara syarikat penerbitan yang baru diwujudkan itu akan bertanggungjawab terhadap aspek-aspek lain.

Sementara itu, Pengarah Urusan syarikat berkenaan, Mohammed Fikheree Abu Bakar yang juga seorang pelakon berharap dapat menemukan formula dalam kalangan pelajar, pensyarah dan kakitangan syarikat untuk membawa industri itu lebih jauh di Sabah dan kemudian di negara ini.

Buat permulaan, filem animasi mengenai Lembangan Meliau dan penduduk yang tinggal di situ juga sedang dalam pembuatan, dan dijangka dikeluarkan pada Januari.